

Program SEMEGA bantu pelajar menengah teruskan pengajian apabila tamat sekolah

NST 19.8.2019 2

OLEH NOOR ZAFIRA SHAFIE

KOTA KINABALU: Penganjuran Program Selangkah Ke Menara Gading (SEMEGA) anjuran Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Malaysia Sabah (UMS) merupakan satu inisiatif bagi membantu pelajar-pelajar sekolah menengah untuk meneruskan pengajian di menara gading apabila tamat sekolah kelak.

Program yang berlangsung selama tiga hari di kampus UMS bermula Jumaat lalu itu telah menghimpunkan seramai 181 pelajar tingkatan lima dan enam dari 12 buah daerah di seluruh negeri Sabah.

Pendaftar UMS, Vina Zahriani Yusof turut memuji usaha MPP UMS dalam usaha menganjurkan program yang memberi manfaat khususnya kepada pelajar sekolah luar bandar.

"Saya percaya melalui program ini para peserta dapat pendedahan awal berkaitan suasana kehidupan serta budaya pembelajaran dalam kampus universiti.

"Pendedahan awal ini penting agar apabila mereka berjaya melanjutkan pengajian ke menara gading kelak, mereka tahu apa jangkauan yang perlu dicapai di universiti dan tidak mengalami kejutan budaya sehingga mempengaruhi pencapaian akademik mereka," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan penutupan program tersebut di sini kelmarin.

Tambah Vina, penganjuran program tersebut juga mampu memotivasikan para peserta untuk memasang cita-cita melanjutkan pe-



KENANGAN ...Vina bergambar bersama selepas tamat majlis kelmarin.

lajaran di peringkat lebih tinggi serta membantu untuk mendisiplinkan mereka agar terus menumpukan perhatian kepada pelajaran dan berusaha untuk mencapai pencapaian yang baik bagi melayakkan mereka diterima masuk ke universiti.

"Diharapkan para peserta dapat menimba ilmu khususnya berkaitan dengan budaya pembelajaran yang baik, selain memanfaatkan peluang ini untuk mengenali program-program

ljazah Sarjana Muda yang ditawarkan di UMS bagi membolehkan mereka membuat permohonan kelak," ujar beliau.

Terdahulu, Pengarah Program SEMEGA 2019, Lee Khai Ting berkata objektif penganjuran SEMEGA 2019 adalah bagi menarik para pelajar untuk meneruskan pengajian selepas sekolah menengah dan memilih UMS sebagai pilihan utama untuk menyambung pelajaran.

"Program ini akan menjadi medium berterusan oleh MPP bagi terus menyumbangkan bakti dalam menyalurkan maklumat serta menyuntik semangat para peserta agar terus bersemangat mencapai impian untuk menyambung pengajian di universiti," katanya.

Hadir sama semasa majlis berlangsung ialah Ketua Bahagian Pembangunan Pelajar, Jabatan Hal Ehwal pelajar UMS Aina Tugon dan Presiden MPP, Muhd Jivean Johan Wira.